

Tanah runtuh ancam keselamatan penghuni

S.H. 23/10/08 MBS

■ SYAIRI SHAARI

JALAN ENGGANG - Penduduk di kawasan ini menyuarakan kebimbangan berikutan kejadian tanah runtuh yang berkemungkinan berlaku lagi di lereng bukit belakang rumah mereka.

Difahami kejadian tanah runtuh yang berlaku pernah disiarkan **Sinar Harian** dua kali sebelum ini, tetapi mereka hampa kerana masih belum menerima sebarang bantuan daripada mana-mana pihak.

Hujan yang kerap kebelakangan ini juga membuatkan mereka sentiasa dalam keadaan cemas apatah lagi terdapat pangsapuri yang hanya terletak di atas bukit ini.

Atas kebimbangan ini maka satu lawatan tempat kejadian diadakan Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamarudin bersama Ahli Majlis Zon 7, Hayati Abdul Samad dan Jawatan Kuasa Penduduk (JKP) Zon 7 kelmarin.

Menurut penduduk di Jalan Enggang 8, Soraini Buyong, dia bimbang dengan risiko tanah runtuh memandangkan rumahnya dan beberapa jiran bersempadan dengan bukit tersebut.

"Saya kesal dengan tindakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) kerana perkara ini beberapa kali dibangkitkan, namun masih belum diberikan perhatian sewajarnya.

"Malah sebelum ini kejadian sama berlaku di kawasan berhampiran dan ia menambahkan kerisauan kami," tegasnya.

Menurut jiran pula, Noraini Sutan,



Soraini (kanan) menerangkan sesuatu kepada Zuraida (kiri) mengenai kejadian tanah runtuh di kawasan perumahan berkenaan.

dia sebelum ini pernah membuat aduan kepada MPAJ berhubung longkang yang gagal berfungsi dan pokok besar di lereng bukit yang tidak dicantas.

Tambah Noraini, sebelum ini dia mencadangkan MPAJ untuk membina tembok konkrit di kawasan lereng bukit, namun tembok berkenaan hanya dipasang di sebahagian tempat sahaja dengan alasan peruntukan tidak mencukupi.

"Saya ingin mempersoalkan bagaimana sesuatu projek boleh diluluskan, sedangkan peruntukan tidak dilihat terlebih dahulu dan perkara berkenaan hendaklah disiasat," tegasnya.

Bagi Abu Kassim pula, beliau menggesa MPAJ bertanggungjawab terhadap isu ini, malah dia berharap pihak tersebut dapat mengatasi masalah tanah runtuh ekoran lereng bukit

yang begitu hampir dengan kediaman mereka.

"Sejak akhir-akhir ini pula adalah musim hujan dan membuatkan saya gusar kerana berasakan tidak selamat memikirkan tanah runtuh ini," jelasnya.

Sementara itu menurut Zuraida, beliau terkejut dengan perkara ini dan kesal kerana tiada tindakan segera yang diambil sebelum ini sedangkan nyawa penduduk semakin hari semakin terancam.

"Saya berharap dengan adanya JKP ini, mereka akan sentiasa aktif dan diharap mampu memantapkan lagi peranan untuk memberi yang terbaik kepada penduduk Ampang.

"Malahan JKP juga mampu menjadi mata kepada MPAJ bagi melaporkan sebarang masalah yang berlaku," jelasnya.

fakta

Kejadian tanah runtuh di kawasan berkenaan pernah berlaku dua kali sebelum ini.